

Rampas hasil laut RM3.1 juta

Hm 29/9/2022 M: 18

Oleh Mohamad Fahd Rahmat

am@hmetro.com.my

Mersing

Kira-kira 3,000 kilogram (kg) hasil tangkapan laut dan dua bot nelayan asing bernalilai kira-kira RM3.1 juta dirampas dalam operasi bersepadu di kedudukan 12.8 batu nautika timur laut Pulau Aur di sini, kelmarin.

3,000kg

Hasil tangkapan laut dirampas dalam operasi bersepadu di kedudukan 12.8 batu nautika timur laut Pulau Aur, Mersing

19 kru warga Vietnam ditahan ketika aktiviti tunda pukat secara bergandingan

Pengarah Zon Maritim Mersing, Komander Maritim Khairul Nizam Misran berkata, turut ditahan 19 kru warga Vietnam berusia 18 hingga 51 tahun dalam operasi jam 2.30 petang itu selepas gagal memperkenan pengenalan diri yang sahi.

Katanya, kejayaan hasil operasi penguatkuasaan Op Jaksa dan Op

Bersepada oleh Agensi Pengawalaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Mersing bersama Pasukan Polis Marin (PPM).

"Kedua-dua bot nelayan asing itu ditahan ketika sedang melakukan aktiviti menundu pukat secara berganding.

"Ia susulan hasil aduan awam daripada kru bot me-

mancing yang berada berdekatan dengan pulau terbabit," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kes akan disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran dari Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen

1959/1963 kerana gagal memperkenan dokumen pengenalan diri yang sahi.

"Dua bot berserta peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan dan 19 kru ditahan itu dibawa ke Jeti Maritim Malaysia Pos Teluk Gading untuk siasatan lanjut," katanya.

Beliau berkata, APMM secara tegas mengambil serius dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pi-

hak yang terbabit dengan aktiviti pencerobohan vesel penangkapan ikan negara asing bagi mengaut hasil laut dalam perairan negara.

"APMM mengingatkan seluruh komuniti maritim supaya sentiasa mematuhi undang-undang dan sekiranya gagal tindakan sewajarnya akan dikenakan tindakan sewajarnya," katanya.

Katanya, sebarang aduan menjahah segera hubungi talian kecemasan MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Johor di talian 072199404.



PIHAK berkuasa merampas hasil tangkapan laut berserta dua bot nelayan asing pada kedudukan 12.8 batu nautika timur laut Pulau Aur, Mersing. - Gambar Ihsan Maritim Malaysia